

## SEHARUM TINTA SARJANA

**Penulis:**

Haryati Shafii

**E-mel:**

[haryati@uthm.edu.my](mailto:haryati@uthm.edu.my)

**Abstrak:** Novel yang berada di tangan anda ini merupakan sebuah karya yang bercirikan kreatif-ilmiah yang menterjemahkan liku-liku kehidupan seorang wanita dalam mengajar sebuah cita-cita. Perjalanannya sering dilanda badai, tetapi tidak mematahkan semangat juangnya untuk berjaya dalam pengajian PhD. Novel ini berbeza dengan karya-karya lain yang berada di pasaran, kerana ia dibangunkan dengan watak seorang wanita bernama Hanum Dahlia, seorang ibu tunggal. Watak yang dicipta oleh penulis bertujuan untuk menghidupkan jalan cerita supaya lebih menarik dan tidak membosankan pembaca. Perjuangan dalam mendapatkan segulung ijazah PhD adalah pengalaman benar dan merupakan sebuah perkongsian berbentuk pengalaman penulis dan rakan-rakan dalam mengikuti Pengajian PhD. Pengisian novel ini adalah bersumberkan data primer dan sekunder iaitu daripada pengalaman penulis, pembacaan buku serta luahan secara langsung daripada rakan-rakan yang telah mengikuti Pengajian PhD. Watak yang terdapat dalam novel ini mungkin terdapat persamaan dengan watak di alam realiti. Ianya mungkin secara kebetulan sahaja. Selebihnya, ianya dicipta bagi melancarkan plot penceritaan, menarik minat pembaca dan menyuntik mood percintaan. Justeru, novel ini sesuai dibaca oleh semua golongan termasuk remaja, pelajar sekolah, pelajar universiti dan individu yang meminati karya kreatif. Semoga novel ini dapat memberi manfaat dan menyuntik semangat kepada mereka untuk meneruskan perjuangan.

**Kata kunci:** Watak, penceritaan, manfaat, semangat

# Seharum Tinta Sarjana

Seharum Tinta Sarjana

Haryati Shafii

Haryati Shafii

  
Penerbit  
UTHM



# Seharum Tinta Sarjana

# Seharum Tinta Sarjana

Haryati Shaffi

  
Penerbit  
**UTHM**  
**2024**

# Dedikasi

“Saya dedikasikan penulisan Novel ini kepada Arwah Prof. Dato Dr. Jamaluddin Md Jahi yang merupakan penyelia tesis PhD. Beliau banyak mendorong Penulis untuk terus menulis dan berkarya. Budinya tiada terbalas. Semoga Arwah damai dan tenang di alam sana. Al fatihah”.

*Saya menyimpul kata-kata keramat dari Prof. Dr. Zaini Ujang.*

*“Ramai yang berilmu, tapi adab dan budi tidak dijaga”.*

*Moga menjadi AZIMAT, sebagai kalam untuk terus menulis, menyumbang dan menyubur pada masyarakat.*

Terutama terima kasih kepada UTHM, kerana memberi ruang kepada saya untuk menerbitkan karya kreatif ini. Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada mereka yang membaca dan memilikinya. Mudah-mudahan diberkati Allah.

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis :  
Haryati Shafii

Diterbit oleh :  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
Tel : 07-453 8529/ 8698

Dicetak oleh :  
Percetakan Ilham Selatan,  
No.10,Jalan Perdagangan 16,  
Taman Universiti,  
81300 Skudai, Johor.  
Tel : 017-7779313

Laman Sesawang : <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel : [pemasaran.uthm@gmail.com](mailto:pemasaran.uthm@gmail.com)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah ahli  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-093-6

# Isi Kandungan

<i>Prakata</i>	<i>xi</i>
<b>01</b> Dan Semalam, Apabila Ia Berlalu	1
<b>02</b> Gemilang Menara Gading	9
<b>03</b> Di Kala Rindu Berlagu	24
<b>04</b> Ku Cuba Gapai Bintang di Langit	30
<b>05</b> Dan Kenangan Silam Mengusik Jiwa	38
<b>06</b> Istilah Cinta dan Cita-cita	42
<b>07</b> Lambaian Cinta	48

<b>08</b>	Antara Kaca dan Permata	52
<b>09</b>	Jatuh Cinta Lagi	57
<b>10</b>	Kolokium Siri Pertama	66
<b>11</b>	Tahajud dan Keinsafan	69
<b>12</b>	Dia Pentafsir Alam	73
<b>13</b>	Cabaran Sedia Melebarkan Sayapnya	79
<b>14</b>	Nah... Rembulan Biarkan mereka Berbicara	87
<b>15</b>	Lontaran Fikir Sarjana	94
<b>16</b>	Wangian Pagi dari desa	103
<b>17</b>	Rindu Sarjana	116

<b>18</b>		
	Rawan di Hati tak Siapa yang Tahu	126
<b>19</b>		
	Amukan Rasa	136
<b>20</b>		
	Kolokium yang Mendebarkan	140
<b>21</b>		
	Profesor adalah Insan Berhati Mulia	150
<b>22</b>		
	Realiti Suka dan Duka	164
<b>23</b>		
	Akulah Wanita itu	172
<b>24</b>		
	Merindu Sang Purnama	177
<b>25</b>		
	Rindu Benarkan aku Menyulam Wajahmu	181
<b>26</b>		
	Tegar	186
<b>27</b>		
	Lafaz yang Tersimpan	188

<b>28</b>		
	Hati yang Terpilih	196
<b>29</b>		
	Janji Temu yang Ditepati	203
<b>30</b>		
	Seindah Bunga, Semanis Gula	208
<b>31</b>		
	Cahaya Kehidupan	215
<b>32</b>		
	Indahnya Cinta	220
<b>33</b>		
	Doa yang Mustajab	228
<b>34</b>		
	Viva Sebagai Penentu	235
<b>35</b>		
	Takdir Cita dan Cinta	244
	Imbasan Sajak pada Bab Berkaitan	249
	<i>Bibliografi</i>	255
	<i>Biografi Penulis</i>	257

## Prakata

Dengan lafaz bismillahirrahmanirahim, sebagai pembuka kalam. Selawat serta salam ke atas Nabi Muhammad s.w.t, kepada ahli keluarga serta para sahabat baginda. Jutaan kesyukuran penulis zahirkan kepada Allah swt Pencipta seluruh alam, dengan izin-Nya maka karya ini berjaya diterbitkan dengan jayanya.

Jujurnya, karya ini bukanlah sebuah novel yang sempurna. Namun, novel pertama ini mula ditulis dari tahun 2008. Tertangguh, kemudian disambung penulisannya hinggalah berjaya dihantar ke meja penerbit UTHM pada September 2023. Kekangan tugas hakiki menyebabkan ianya mengambil masa yang lama untuk dinoktahkan. Walaupun penulis bergelut dengan kesibukan, ianya tidak menghalang dan mematahkan semangat untuk menerus dan menyiapkan penulisan novel ini.

Novel yang berada di tangan anda ini adalah sebuah karya kreatif ilmiah. Novel ini merupakan sebuah karya berbentuk pengalaman penulis dan rakan-rakan dalam mengikuti Pengajian PhD. Ianya adalah berbeza dengan karya-karya lain yang berada di pasaran. Pengisian novel ini adalah bersumberkan data primer dan sekunder iaitu daripada pengalaman penulis sendiri, pembacaan buku serta luahan-luahan secara langsung daripada rakan-rakan yang sedang mengikuti Pengajian PhD. Ianya adalah suatu pengalaman berharga yang dikutip dan didokumentasi dalam bentuk novel. Watak Hanum Dahlia, sebagai Ibu Tunggal dicipta oleh penulis bagi menghidupkan jalan cerita supaya lebih menarik dan tidak membosankan pembaca.

Perjuangan Hanum Dahlia dalam mendapatkan segulung ijazah PhD adalah merupakan pengalaman yang benar dan diadun dengan kisah hidup yang penuh konflik bagi menarik minat pembaca.

Watak-watak yang terdapat dalam novel ini mungkin terdapat persamaan dengan watak di alam realiti. Ianya mungkin secara kebetulan sahaja. Selebihnya, ianya dicipta bagi melancarkan plot penceritaan, menarik minat pembaca dan menyuntik mood percintaan.

Penulisan novel ini diselitkan dengan sajak yang diambil dari penulis yang tersohor juga dari karya penulis sendiri. Ia bertujuan untuk memberi sedikit kelainan dalam penulisan novel serta memberi gambaran kepada plot penceritaan pada bab yang terbabit. Justeru, novel ini sesuai dibaca oleh golongan remaja, pelajar sekolah menengah, pelajar universiti dan individu-individu yang meminati karya kreatif.

Besar harapan Penulis, semoga buku Seharum Tinta Sarjana ini dapat memberi sedikit pendedahan, pengetahuan dan pengalaman kepada mereka dan calon-calon yang sedang mengikuti Pengajian PhD di luar sana. Semoga novel ini dapat memberi manfaat dan menyuntik semangat serta keyakinan diri kepada mereka untuk meneruskan perjuangan.

PhD adalah untuk mereka yang Berjiwa Besar dan Teguh.

Selamat membaca.

Haryati Shafii PhD  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)



S A T U

## Dan Semalam, Apabila Ia Berlalu

*Purnama simbah Cahaya-Mu,  
Pada redup kolam mataku,  
Cahaya-Mu nan indah,  
Melekakan seluruh alam.*

Angin monsun timur laut yang bertiup lembut dan nyaman dari arah bukit membawa sisa-sisa hujan dalam bentuk rintik dan gerimis. Sudah beberapa bulan bumi Pantai Timur tidak merasai hangatnya mentari. Malahan kedinginan pagi bertambah sejuk hingga menyusuk ke tulang hitam.

Itulah lumrah kehidupan alam. Putaran angin lazim yang berlaku mengikut edaran musim. Mengikut perkiraan geografi, angin monsun Timur Laut akan mengganas pada bulan November hingga Mac. Kemudian barulah cuaca agak lega sehingga muncul pula Monsun Barat Daya pada bulan Mei hingga September. Musim berganti musim. Bulan berganti bulan. Ianya tidak berlaku secara sia-sia, bahkan menyimpan sejuta rahmat kepada hamba-hambanya. Wajiblah kita bersyukur di atas segala nikmat dan rahmat, pasrah dan reda kepada ketentuan-Nya, bahawa kehidupan di alam fana ini adalah ibarat putaran alam yang silih berganti. Setiap yang berlaku tepat pada masanya. Sesuai pada tempatnya.

Anum mengeluh, seakan seperti sedang melepaskan sesuatu yang maha berat. Sesuatu yang sudah sekian bersarang di



D U A

## Gemilang Menara Gading

Sudah seminggu Anum berlepas ke Kuala Lumpur, mendaftarkan diri di sebuah universiti terkemuka di ibu kota. Cita-cita untuk menjadi Malim Sarjana, menyumbang penulisan dan penyelidikan dalam ilmu Sastera dan Alam menjadi semakin membara. Nama-nama seperti Prof. Ulung iaitu Prof. Emeritus Dato' Dr. Shamsuri Amry, Prof. Dato' Dr. Abdul Rahman Muhammed, Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Latiff Mohammad dan Prof. Dr. Jamaluddin Jahi dari Universiti tersohor di Malaysia sentiasa menjadi idola dan kebanggaan Anum dalam diam.

Anak-anak telah ditinggalkan dengan hati yang lapang pada ayah dan mak di kampung. Anum tidak perlu risau ataupun bimbang kerana mereka adalah orang tua yang pasti akan mendidik anak-anaknya dengan baik. Sebagaimana mereka mendidik dirinya dahulu.

Belajar hingga ke peringkat ijazah doktor falsafah, bukanlah perkara mudah dan tidaklah pula ia menjadi terlalu sukar. Kata orang untuk belajar ke peringkat PhD tidak perlu bijak. Betul ke?

Apa yang penting seseorang itu harus rajin berusaha, tidak mudah putus asa dan sentiasa konsisten dalam usahanya. Cepat atau lambat bergantung kepada pelajar itu sendiri. Hubungan dengan penyelia juga harus baik. Ijazah Doktor Falsafah akan betul-betul menguji seseorang. Adakah dia



T I G A

## Di Kala Rindu Berlagu

*Inilah suara hatiku,  
Mencari makna setia,  
Dalam kalbu hati,  
Yang masih belum tersingkap,  
Menjadi misteri.*

Sejak akhir-akhir ini emosi Anum sering kali terganggu. Rindu pada kedua orang anaknya sering bertamu. Semasa tidur, mereka sering menjadi tetamu wajibnya. Ketika terjaga, suara mereka sering menerjah ke ruang ingatan. Kadang-kadang ketika rindu sukar dibendung, Anum akan menangis keseorangan. Sebak di dada tidak bisa ditanggung lagi.

Anak-anakku, buah hati ibu.  
Bisik hati kecilnya.

Kadang-kadang rindunya pada bekas suami kerap hadir mengusik jiwa. Merindui saat-saat mereka bersama. Betapa bahagianya saat itu. Haris seorang lelaki yang pernah hadir dalam hidupnya. Memberi impian dan cita-cita untuk hidup bersama. Menyemai janji dan bersumpah setia untuk membina mahligai bahagia.

Betapa dia begitu mencintai Haris. Lelaki agung yang berjaya mencuri hati dan menawan sukmanya. Sehingga dia menjadi buta. Salam cinta dari lelaki lain yang tidak kurang hebatnya ditepis dengan mudah.

EMPAT

## Ku Cuba Gapai Bintang di Langit

*Perjalanan ini jauh,  
Lebih jauh daripada jangkauan mata,  
Dan lebih jauh lagi dari jangkauan fikiran.*

Sesi pembentangan *proposal* yang dijalankan oleh pihak jawatankuasa penyeliaan siswazah universiti berjalan lancar. Walau bagaimanapun, bagi Anum sesi pembentangan tersebut ibarat sedang menunggu keputusan hakim- sama ada dia bersalah atau tidak. Hatinya cukup berdebar dan tidak keruan. Sejak beberapa hari yang lalu perasaan itu telah hadir. Kemudian bermukim tetap di lubuk hatinya. Semalam pula perasaan itu semakin memuncak.

Hatinya tidak tenang. Bergelora, seolah-olah badai musim tengkujuh sedang melanda. Atau lebih sesuai, bom atom sedang menunggu masa untuk meletup!

Dia sangat takut. Amat takut kalau *proposalnya* ditolak mentah-mentah. Hampir enam bulan dia berhempas pulas menyiapkan tajuk dan kerangka penyelidikan. Keluar masuk jumpa penyeliannya, pembetulan berkali-kali, hingga ada ketikanya dia terpaksa cuti kerana demam dan pening kepala. Tidak cukup dengan itu, menjadi penunggu *library* secara rasmi selama berbulan-bulan, dan pastinya akan berterusan hingga selesai kerja-kerja penyelidikan dan penulisannya. Bersahabat dengan buku-buku yang menimbun, itulah menjadi peneman setianya. Anum bimbang sangat-sangat segala usahanya akan menjadi sia-sia.

L I M A

## Dan Kenangan Silam Mengusik Jiwa

*Alam ini suram,  
Tanpa senyummu, teman.*

“**B**ila besar nanti kau nak jadi apa Anum?”

Anum tersengih memperlihatkan gigi kapaknya dan terus menuruni pokok jambu batu yang dipanjatnya sejak tadi.

“Entah, tak tahu.”

Jawabnya sepatah. Namun jauh di sudut hatinya dia benar-benar ingat pesanan emaknya supaya bila besar nanti harus menjadi seorang guru.

“Engkau pula besar nanti nak jadi apa?”

Kini giliran Anum pula menyoal sahabat karibnya, Hani yang sejak tadi duduk berjantai di pokok manggis.

“Aku, aku...”

Hani kelihatan agak sukar untuk menceritakan cita-citanya. Dia merasakan cita-citanya tidak mungkin akan tercapai.

“Aku sebenarnya nak jadi pensyarah. Tapi kerana tak ada sijil kelahiran, aku kena belajar sampai darjah enam sahajalah. Emm... Tak apalah tak dapat jadi pensyarah, dapat jadi penoreh pun jadilah. “P” juga la kan? Hani tersengih, sambil menggaru-garu pipinya yang gatal digigit nyamuk.



E N A M

## Istilah Cinta dan Cita-cita

*Aku adalah sungai tanggungjawab,  
Yang harus menyuburkan lembah,  
Tidak akan kering bila kemarau melanda,  
Dan  
Tidak akan banjir kala hujan melimpah.*

*B*isiklah apa sahaja tentang cinta pasti ianya sesuatu  
yang membahagiakan.

*Cinta adalah satu tanggungjawab,  
Cinta adalah satu kehidupan,  
Cinta adalah satu keajaiban,  
Cinta adalah kesatuan antara bahagia dan derita,  
Dan  
Cinta juga ada kebenaran dan kepalsuan.*

*Sesetengah orang pula berpendapat;  
Cinta itu ibarat kurap,  
Makin digaru, makin sedap.*

*Dan biasa juga mendengar orang bercakap;  
Cinta itu buta,  
Sukar membezakan mana yang baik dan buruk.*

*Juga kadang-kadang sengaja membutakan mata melihat  
keburukan pasangan.  
Semuanya kerana sayang!*

T U J U H

## Lambaian Cinta

Hisyam bangkit dari kerusi yang mengadap komputernya. Dia menuju ke tingkap. Tingkap yang sengaja dibuka luas, mendorong angin malam sepoi bahasa menyapa pipi. Hisyam memejamkan mata. Terbayang pertemuan minggu lepas dengan seorang wanita yang begitu memukau pandangan lelakinya. Wanita itu, tidaklah secantik pelakon-pelakon tersohor di Malaysia. Tetapi tutur kata, tingkah lakunya betul-betul menggoncang iman seorang lelaki sepertinya.

*“Cik saya nak pinjam buku, tapi saya tiada kad pinjaman pusat sumber. Boleh tak Cik tolong pinjamkan untuk saya?”*

Entah kekuatan mana yang singgah pada dirinya sehingga tanpa segan silu Hisyam menyapa dan memohon pertolongan daripada seorang wanita yang kebetulan begitu tekun meneliti buku di rak. Wanita itu berpaling. Menghadihkan sebuah senyuman.

*“Eem Encik bukan student sini ke?”*  
Soal wanita itu lagi.

Hisyam mengangguk.

*“Tapi pusat sumber ini hanya benarkan pinjam 4 buah buku sahaja. Dan tempoh pinjamannya pula hanya seminggu.”*

*“Tak mengapa, minggu depan saya akan pulangkan balik buku ini. Percayalah.”*

L A P A N

## Antara Kaca dengan Permata

*Isteri yang baik adalah penyejuk hati,  
Lemah lembut tutur katanya,  
Manis bicaranya,  
Aman rumah tangganya.*

**B**erdesing telinga Haris Muktafi mendengar kata-kata celupar yang keluar dari mulut Jeslina, isterinya. Kalau ikutkan hati mahu saja dia menampar mulut berbisa itu. Biar Jeslina sedar, kesabaran ada batasnya. Selama ini dia telah lama bersabar. Berdiam diri. Dengan harapan, Jeslina akan mengubah perangainya yang suka membebel dan cemburu buta. Tapi kini, jangkannya ternyata meleset. Makin dibiarkan, makin menjadi-jadi dan semakin naik lemak.

*“Kenapa abang diam? Abang jangan nak samakan Jes dengan bekas isteri abang tu. Jes lain, dia lain. Kalau dengan dia mungkin abang boleh berlembut, boleh control. Tapi dengan Jes, abang jangan main-main. Ini Mya Jeslina, Mya Jeslina Shamsuddin.”*

Mata Haris Muktafi bagaikan berpinar mendengar hujah-hujah bisa yang keluar dari mulut isterinya. Dia menggigil menahan marah. Dia seolah-olah nampak isterinya begitu kecil dan kerdil. Dan kalau ditampar sudah pasti tubuh lemah itu akan rebah menyembah lantai. Haris tidak menjawab. Sebaliknya, berdiam diri dan mengambil kunci

## Jatuh Cinta Lagi

*Jika kau tahu getar di jiwaku,  
Jika kau tahu ada rindu yang mendayu,  
Dan  
Jika kau tahu,  
Akulah perindu di malam syahdu.*

*“Hello boleh saya bercakap dengan Cik Hanum Dahlia”.*

*“Boleh saya tahu siapa yang bercakap di sana?”  
Suara halus begitu lunak menyoal seorang pemanggil telefon.*

*“Saya Hisyam Alauddin. Kawan Anum. Boleh saya bercakap dengan dia?”*

*“Ohh. Sekejap ya saya panggilkan.”*

*Senyap.*

*“Hello, Anum bercakap. En. Hisyam ke?”*

*“Ya, saya Hisyam. Hisham Alauddin, Cik Anum, saya nak jumpa awak. Awak free tak? Saya nak pulangkan kad pinjaman buku yang saya pinjam tempoh hari. Itupun kalau tidak mengganggu awak.”*

*“Mmm saya rasa tak ada masalah. Bila nak jumpa? dan di mana En. Hisyam nak jumpa saya?”*

SEPULUH

## Kolokium Siri Pertama

*Inilah dikatakan,  
Kesabaran yang dipimpin,  
Keyakinan yang dibina,  
Kepercayaan yang diyakini,  
Akhirnya...  
Membuahkan sejuta nikmat kejayaan.*

Anum tiba lebih awal di bilik seminar siswazah yang bertempat di bangunan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) tingkat 2. Calon-calon PhD dan Master belum ramai lagi yang datang.

*“Nampaknya Cik adalah orang yang pertama sampai.”*  
Kata salah seorang kerani PPS yang bertugas pada pagi tersebut sebagai penyambut tetamu.

Anum mengangguk dan menghadihkannya dengan sekuntum senyuman mesra. Kemudian, matanya melilau mencari tempat duduk yang dirasakan cukup sesuai. Tidak terlalu ke belakang dan tidak juga terlalu di depan. Dia menarik kerusi yang disusun teratur. Mengambil tempat duduk pada barisan ke dua dari depan, dengan posisi di tengah-tengah adalah tempat yang strategik, bisik hati kecilnya.

## Tahajud dan Keinsafan

Sara menggosok-gosok matanya yang masih mengantuk. Tidurnya terganggu dengan cahaya suram menyinari sebahagian besar bilik tidurnya. Dia bangkit. Dalam samar cahaya dia melihat, seorang wanita bertelekung putih sedang solat. Dia menguap. Mengambil jam tangannya yang sengaja diletakkan di bawah bantal tidur.

Pukul 4.60 minit pagi. Bisiknya. Subuh biasanya dalam jam 5.50 pagi. Masih awal lagi untuknya bangun mengerjakan solat subuh. Tiba-tiba Sara merasa hendak ke bilik air. Sejurus kemudian dia selesai dan kembali baring di atas katil empuknya. Membetulkan selimut agar menutupi ke dua belah kakinya. Kedinginan pagi cukup terasa. Alangkah sedapnya menyambung tidur.

*“Sara, tak nak solat tahajud ke? pergilah ambil wuduk. Kita solat sama-sama.”*

Sara hanya tersenyum, membalas kata-kata wanita yang masih bertelekung itu.

*“Sejuklah kak.”*

Balasnya memberi alasan.

*“Sejuk hanya seketika, pergilah.”*

## Dia Pentafsir Alam

*Dia menyilaukan mata kalian,  
Seperti ketika kalian melihat,  
sebutir debu di tenga hari,  
Dan kalian tidak melihat sang matahari.*

Jalaludin Rumi (1207m-1273 m)

*“Kenapa akak memilih bidang Kesusasteraan Melayu?,  
Sedangkan latar belakang akak bukan dalam bidang  
ini?”*

Soalan pertama yang diajukan olah Sara sebaik sahaja, Anum melabuhkan punggungnya pada sofa di ruang tamu.

*“Kerana akak meminati sastera.”*

Balas Anum secara ringkas sambil tersenyum manis. Tangan kanannya pula pantas mengambil surat khabar semalam yang belum lagi dibacanya.

*“Ahhh... Takkan kerana minat sahaja kak. Mesti ada alasan yang lebih kukuh.”*

Sara kelihatan tidak berpuas hati dengan jawapan ringkas daripada Anum. Matanya tepat memandang raut wajah Anum, yang kelihatan begitu setia menatap helaian akhbar di tangan. Ternyata dia mahu menguji falsafah wanita itu dengan lebih jauh.

Nampaknya, gadis ini semakin matang. Kelas sarjana yang sedang diikuti benar-benar membantunya untuk berfikir

T I G A   B E L A S

## Cabaran Sedia Melebarkan Sayapnya

*Aku ingin memintas angin,  
Mengikat awan lara,  
Menahan guruh di langit,  
Moga hari kembali tenang.*

Anum semakin cemas. Beberapa kali dia melirik jam tangannya berjenama Adidas. Bas yang ditunggu masih belum tiba. Hari semakin meninggi. Beberapa kali dia mengelap peluh di dahi. Tisu yang dipegangnya seakan sudah mahu hancur. Beberapa orang pelajar lain juga berkeadaan sama. Cuaca yang semakin meninggi, menyuluhkan cahayanya di mana-mana.

Anum meninjau lagi. Bas merah yang digelar “bas universiti” oleh pelajar-pelajar, masih belum menampakkan wajah.

*Susah betul nak muncul.*  
Anum mengomel sendiri.

Jam sudah menunjukkan 9.30 pagi. Janji temunya dengan Prof. Dr. Hamka adalah tepat jam 10.00 pagi. Ini bermakna dia cuma ada setengah jam sahaja lagi untuk berjumpa dengan Profesor tersebut. Jarak perjalanan antara Taman Sentosa ke universiti sekiranya jalan dalam keadaan baik, hanya mengambil masa 15 minit sahaja. Kemudian, dia akan bergegas ke bangunan Pusat Pengajian Melayu yang mengambil masa sepuluh minit jika langkahnya laju. Ini

## Nah...Rembulan Biarkan mereka Berbicara

*Aku pernah meratah kecewa,  
Pada asing pertemuan pertama,  
Sering rasa takjub dan kagum,  
Pada hitam dan lebat rambutmu.  
[Berkongsi kiriman -SI 1996]*

Tengku Fikhry merasa resah. Puas dipusing dan diubah posisi tidurnya, namun tidak membantu. Kipas angin yang ligat berputar di kamarnya sedikit pun tidak dapat membantu memberi kelegaan dan kenyamanan pada batang tubuhnya. Badan terasa melekit. Tengku Fikhry bangkit daripada tidur. Dia bangun mencapai tuala, membuka pintu bilik dan terus ke kamar mandi. Sejurus kemudian dia keluar. Badannya terasa kembali segar.

*“Lo... kok malam-malam gini kamu mandi Fikhry.”*

Teman serumahnya yang ternyata belum tidur kerana sedang menyiapkan tugas memamatkan langkahnya untuk terus ke kamar tidur.

*“Panaslah Pak. Melekit satu badan. Bapak belum tidur?”*

Giliran Tengku Fikhry pula menyoal teman serumahnya. Kalau tadi sengaja dia enggan menegur kerana takut mengganggu konsentrasi orang yang sedang belajar.

*“Belum Fikhry. Sedikit aje deh. Macam mana kamu di*

L I M A   B E L A S

## Lontaran Fikir Sarjana

*Izinkan aku mencintaimu...  
Agar lidah tidak lagi menjadi kelu,  
Menyeksa diri menahan rindu,  
Cinta ini ibarat lafaz yang tersimpan.*

Seperti yang dijanjikan, tepat jam 3.00 petang semua ahli diskusi berjumlah tujuh orang sedia untuk memulakan perbincangan pada petang itu. Diskusi yang dijalankan itu adalah bersifat tidak formal. Diskusi itu dipengerusi oleh Anum sendiri, juga bertindak sebagai ahli diskusi dan ahli-ahli yang lainnya terdiri daripada Henry Wahyu, Irma Hardy, Tengku Mohd Fikhry, Nurul Alia, Mohd Ferris dan Nik Hairy. Diskusi itu dijalankan di sebuah bilik yang dikhususkan oleh pihak fakulti untuk pelajar-pelajar siswazah melakukan aktiviti perbincangan dan pembentangan.

Masing-masing kelihatan begitu ghairah dan tidak sabar-sabar untuk mengemukakan pandangan hasil daripada penelitian dan juga ingin mendengar pandangan daripada rakan-rakan yang lain. Sebahagian besar daripada mereka adalah daripada penyelia yang berbeza. Irma Hardy misalnya yang membuat penelitian terhadap prosa-prosa dalam kesusasteraan melayu berguru dengan Prof. Dr. Nik Amrul Hisyam. Tengku Mohd Fikhry Tengku Fateh pula ura-ura menyatakan akan berguru dengan Prof. Dato' Dr. Jamaluddin Md. Jahi. Nurul Alia dan Mohd Ferris pula berguru dengan Prof. Dato' Dr. Abd Samad Hadi dan Nik

ENAM BELAS

## Wangian Pagi dari Desa

*Kedamaian itu menyenangkan,  
Membayangkan sejuta kenikmatan,  
Sejuta rasa,  
Yang akhirnya,  
Membisikkan sebuah citra pujangga.*

**P**erjalanan menaiki komuter dari Stesen Komuter universiti ke stesen Komuter Putra Kuala Lumpur mengambil masa selama 40 minit. Kereta api elektrik itu bergerak lebih laju daripada Kereta api Tanah Melayu (KTM). Keadaan di dalam komuter, tidak begitu padat dengan penumpang. Ini membolehkan Anum mendapat tempat duduk dan berehat selepas kepenatan memerah otak semasa diskusi dengan rakan-rakannya petang tadi.

Matanya melirik pada jam dilengan. Jam jelas menunjukkan jarum bertindih pada jam 7.50 minit malam. Masih ada masa bisiknya.

Kemudian fikirannya melayang-layang teringat kepada beberapa e-mel yang sempat dibacanya semalam. Semua e-mel tersebut dikirim oleh beberapa orang rakan yang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat PhD di Universiti Sains Malaysia, *University of Glaslow, UK, University of Reeding, UK, University Dundee* dan *University Exceter, US*. Pelbagai keluh kesah telah dihantar untuk perkongsian bersama. Pendek kata pengajian di peringkat PhD ini boleh

T U J U H   B E L A S

## Rindu Sarjana

*Akan lahir nanti,  
Seorang sarjana,  
Yang petah tuturnya,  
Dan  
Kukuh hujahnya.*

Kerinduan dan kerisauannya terhadap pengajian PhD membuatkan Anum tidak berada lama di kampung. Usai kepulangan anak-anaknya daripada percutian di Pulau Tioman bersama Haris, Anum telah mengambil keputusan untuk segera balik ke kampus.

Rindu kepada suasana kampus, kesibukan pergi ke *library*, menghadap *laptop* menyebabkan dia tidak betah lama di kampung. Walaupun seminggu tidak dapat mengubati kerinduannya terhadap anak dan kedua orang tuanya, namun dia harus ingat ada tanggungjawab lain yang perlu selesai dan disegerakan. Dan tanggungjawab itu tidak perlu dilengah-lengahkan. Semakin dilengah, semakin ia menghimpit jiwa.

Anum perlu menyiapkan *full paper* untuk pembentangan seminar SEBAHTERA yang akan diadakan di Universiti Malaya. Justeru, dia perlu mencari banyak bahan rujukan bagi memperkaya dan mengukuhkan konsep *papernya*.

LAPAN BELAS

## Rawan di Hati Tak Siapa yang Tahu

*Malam yang kelam,  
Bintang-bintang malu bersembunyi,  
Angin menjadi lesu,  
Dan aku keresahan sendiri.*

Kesabarannya seakan tergugat. Amarahnya berapi-api membakar di seluruh rongga dadanya. Mukanya merah dan panas membara. Kalau tidak fikirkan rasa hormat kepada wanita itu, mahu rasanya Anum bergaduh dan menumbuk sahaja muka wanita yang tidak bermaruah itu. Buat saja macam dalam drama swasta, menarik tudung dan menyembamkan muka wanita yang tidak tahu malu itu ke meja. Biar dia rasa sakit. Biar dia tahu betapa aku marah dengan mulutnya yang celupar itu.

Langkahnya dipercepatkan. Kalau boleh mahu saja segera balik ke pangsapuri. *Mood* untuk ke *library*, tiba-tiba sahaja menjadi padam. Peristiwa sebentar tadi benar-benar membuatnya kecewa, marah, sakit hati semuanya bergaul mesra. Anum menyekat air matanya yang hampir tumpah di tubir mata. Kenapa orang mesti bersikap begitu. Tidak tahukah mereka bahawa dengan kata-kata itu akan menghancurkan hati dan perasaan orang lain?

Sebaik tiba di rumah, Anum terus masuk ke biliknya. Sara yang berada di ruang tamu tidak disapa seperti yang biasa dilakukannya. Sara merasa agak kehairanan. Tetapi dia

## Amukan Rasa

*Pertemuan ini,  
Menyingkap satu misteri,  
Yang dulu,  
Berselak mati.*

Seperti biasa, jadual pertemuan wajib antara Anum dengan penyelia adalah sekali seminggu. Pertemuan antara pelajar dengan penyelia adalah wajib. Justeru pada hari itu, Anum telah bersedia awal untuk bertemu dengan “Maha gurunya Prof. Dr. Hamka”.

*“Anum kamu ada jumpa Prof. Jai selepas seminar di Universiti Malaya?”*

Prof. Dr. Hamka terus menyoal sebaik sahaja. Anum melabuhkan punggung pada kerusi empuk di biliknya.

*“Ada Prof.”*

Ujar Anum ringkas sambil tangannya membetul-betulkan tudung biru cair yang dipakainya.

*“Ada kamu cerita pasal komen-komen daripada pensyarah di Universiti Malaya?”*

*“Ada Prof.”*

Menjawab sepatah, sambil menelan air liur. Membasahkan tekaknya yang terasa kering dan merekah, perit.

D U A P U L U H

## Kolokium yang Mendebarkan

*Memang benar,  
PhD hanyalah suatu permulaan,  
Destinasinya masih jauh,  
Perjalanannya masih sukar,  
Demi membina keserjanaan ilmu...*

**B**ilik dewan kuliah B 301. Di bangunan FSSK, kelihatan masih lengang tanpa kunjungan pelajar-pelajar PhD. Masih terlalu awal. Siri kolokium dijadualkan akan bermula pada jam 8.30 pagi. Namun, telah kelihatan beberapa orang pelajar sarjana dan PhD yang telah mengambil tempat duduk di bahagian hadapan. Sebilangan daripada mereka ada yang dikenali oleh Anum. Mereka adalah pelajar-pelajar daripada jabatan Pengajian Melayu. Inilah julung kali diadakan kolokium secara bergabung antara Jabatan Kesusasteraan Melayu dengan Jabatan Pengajian Melayu.

Sebelum ini ianya tidak dijalankan secara serentak. Mengikut pekerja am yang sedang memasang *laptop*, jumlah pelajar yang terlibat untuk siri kolokium pada hari tersebut adalah lapan belas orang, iaitu sebelas orang daripada Jabatan Kesusasteraan Melayu dan tujuh orang daripada Jabatan Pengajian Melayu.

Anum membuka *note book*nya. Dia ingin menyemak dan meneliti lagi *PowerPoint* yang telah disediakan untuk *presentation* pada hari ini. Sebenarnya dia telah siap

D U A P U L U H S A T U

## Profesor adalah Insan Berhati Mulia

*Jika hadirnya nanti,  
Sebuah ikatan yang tulus dan suci,  
Itu adalah lambang,  
Sebuah nurani yang suci.*

*A*ppointment dengan penyelia berjalan seperti biasa. Satu Akemestian. Pagi-pagi lagi Anum sudah bangun dan bersiap untuk sesi janji temu dengan Prof. Dr. Hamka dan Prof. Dr. Abd Latiff. Pertemuan ini cukup penting kerana dia perlu berbincang balik tentang komen-komen yang diutarakan oleh para pensyarah semasa kolokium dua hari lepas. Semua nota dan buku dimasukkan dengan cermat ke dalam beg galas. Sekilas sebelum menutup pintu bilik, Anum sempat melihat penampilannya di cermin.

Pakaiannya kelihatan agak menarik. Tetapi tidak menjolok mata. Untuk hari ini, dia memilih untuk mengenakan kebaya labuh berwarna hijau bercampur bunga kuning langsung. Dihiasi kerawang bertebuk pada lengan dan hujung bawah baju. Kemudian dia memadankannya dengan tudung bawal berwarna kuning langsung dihiasi labuci yang sarat dengan permata putih. Kemudian dia menyembunyikan warna bibir dengan secalit gincu nipis berwarna *pink*.

*Make up* yang dikenakan cukup sederhana. Selesai menilai penampilan dirinya pada pagi itu dengan perlahan dia menutup pintu bilik dan terus mencapai sepatu berwarna coklat dan bertumit rendah.

DU A P U L U H D U A

## Realiti, Suka dan Duka

*Ada waktu-waktunya kita ibarat,  
Seorang anak kecil yang belum pantas berlari,  
Ada ketika-ketiknya kita ibarat,  
Seorang tua yang sepi,  
Dan ada masa-masanya kita ini ibarat,  
Si buta yang dahagakan cahaya.*

**B**elajar di peringkat PhD adalah satu ujian berat yang amat sangat. Jika kamu berjaya melaluinya maka kamu adalah seorang yang benar-benar hebat. Betul ke?

*Hebat bukan bermakna kamu mendapat title “Dr.”, tetapi hebat kerana berjaya melepasi segala ranjau dan onak duri. Menjadi seorang yang sabar, tekun dan rajin berusaha. Bahkan tidak mengenal erti putus asa. Tahan dengan komen-komen yang menyakitkan.*

*Ukuran kepada PhD bukan semestinya kamu seorang yang pandai dan bijak. Tidak, dan tidak semestinya.*

*PhD adalah nilai kepada ketekunan, kerajinan, berterusan, tidak putus asa dan nilai kesabaran. Jika seseorang itu berjaya melalui ujian ini, maka anugerah PhD, adalah layak untuknya. Dan tidak ramai yang berjaya menempuhnya. Jika tidak, maka berlambak-lambaklah mereka yang memiliki PhD.*

D U A P U L U H T I G A

## Akulah Wanita itu

*Wanita itu berlari,  
Mengutip tomah dan kejian,  
Pada mulut-mulut yang berbisa.*

*Onarnya mereka kerana durja kebencian,  
Derita melihat kejayaan dicipta,  
Hidup sering bersalut dosa.*

*Promenade Hotel, Kota Kinabalu 25 Mei, 2010*

Malam itu, Anum seakan tidak dapat melelapkan mata. Badannya digolek-golekkan ke kiri dan kanan. Tidurnya tidak lena walaupun berada di atas tilam yang empuk. Pengajiannya kini sudah masuk ke semester tiga. Ini bermakna pada semester ini, dia perlu turun padang untuk kerja lapangan. Anum agak risau. Kalau ikutkan perancangan, dia perlu menjalankan kerja lapangan. Masuk semester empat dia perlu analisis data. Semester lima adalah masa sesuai untuk menulis keseluruhan tesis.

Manakala pada semester enam pula adalah masa untuk memperkasakan tesisnya. Menyemak hujah-hujah kajian. Juga masa yang diperuntukkan untuk menyemak, menilai mana-mana objektif yang dirasakan perlu dinilai dan diperkukuhkan semula. Melihat persoalan kajian telah terjawab atau tidak. Dan akhirnya, masa itulah untuknya mengedit penulisan. Dan masa yang sesuai juga untuk

D U A P U L U H E M P A T

## Merindu Sang Purnama

*Kala rindu,  
Resah mendatang,  
Ku amati potretmu pada dada langit,  
Yang ada hanyalah kelam malam,  
Rembulan begitu sombong,  
Membiar aku menanti dan merindui,  
Sang rembulan menjelmalah dikau,  
Aku rindu pada rona dan senyum manismu.*

*H*isyam menguap beberapa kali. Matanya terasa pedih dan berat untuk dibuka. Sehari dua ini tidurnya kembali tidak aman. Dia tidak suka untuk balik ke Seremban, rumahnya. Kalau boleh dia ingin terus menyewa rumah di Bangi atau Kajang. Tinggal bersama budak-budak bujang. Ini kerana senang sekali untuk dia bergerak dari satu *library* ke satu *library*. Hisyam senang sekali ke *library* UKM, dia juga begitu senang untuk ke *library* UM. Walaupun jarak kedua-duanya agak jauh, tetapi dengan adanya perkhidmatan komuter, pengangkutan ini ternyata begitu banyak membantunya. Dia boleh pergi dan balik dengan mudah tanpa memikirkan kesesakan lalu lintas.

Sebut saja pasal kesesakan lalu lintas, tidak ada bandar lain yang sesuai di Malaysia, ianya begitu sinonim dengan Bandaraya Kuala Lumpur. Kotaraya itu sentiasa padat dengan kenderaan. Apatah lagi dengan pertambahan penduduk dari semasa ke semasa ekoran penghijrahan

D U A P U L U H L I M A

## Rindu Benarkan aku Menyulam Wajahmu

*Ada ketikanya,  
Aku menjadi rindu,  
Untuk menjadi seorang kekasih.  
Dan  
Ada ketikanya,  
Aku menjadi resah,  
Menanti cinta dari sang kekasih.*

PRESINT 9, PUTRAJAYA - 28 Mei, 2010

*P*erasaan apakah yang sedang bermaharajalela ini? Mengocak dan menggusarkan seluruh cakerawala hati. Kadang-kadang rasa resah, kadang-kadang begitu gelisah dan mencengkam sekali. Apa yang dibaca melayang entah di mana. Satupun tidak melekat di kepala. Berkali-kali Anum cuba memberi perhatian, fokus kepada apa yang sedang ditelahninya. Tetapi otaknya seakan degil, enggan mendengar kata masih mahu berlegar-legar entah ke mana.

Pun begitu dia masih tidak berputus asa. Skrin *laptop* tetap ditatapi dengan tekun, tapi fikiran melayang-layang entah ke mana. Mengapa begitu sukar mencari titik fokus, sedangkan semester ketiga hampir berakhir beberapa minggu sahaja lagi. Fikiran masih lagi terawang-awang. Sekejap pada pengajian PhD dan sekejap singgah pada wajah-wajah yang begitu kabur. Entah Anum sendiri tidak mengerti, sepatutnya dia tidak begitu.

D U A P U L U H E N A M

## Tegar

*Biarkan rindu ini berbicara,  
Pada setiap helaan nafasmu,  
Pada setiap kerdipan matamu,  
Pantas jua kau akan tahu,  
Cinta ini tercipta hanyalah untukmu.*

PARIT RAJA, Batu Pahat, Johor-29 Mei, 2010

**D**unia PhD penuh dengan kejutan. Perjalanan gagal dan jayanya seorang pelajar PhD dipengaruhi oleh banyak faktor. Sesetengah orang berpandangan bahawa hubungan yang baik dengan penyelia adalah penyumbang utama kepada kejayaan. Sikap penyelia wajar dikaji. Apa yang dia suka dan apa yang dia tidak suka. Kalau boleh masa semester pertama lagi, perangai penyelia sudah dikhatam. Ini penting kerana sebagai pelajar PhD, kita akan bersama dengannya dalam tempoh yang lama. Paling singkat mungkin 3 tahun. Kalau nasib tak baik mungkin sampai 6 atau 7 tahun.

Menurut seorang sahabatnya yang sedang mengikuti pengajian di salah sebuah universiti yang tersohor di Malaysia, agak susah untuknya bertemu dengan penyelia utama. Bahkan jika berjumpa ideanya dengan idea penyelia sering kali bercanggah. Akan ada sahaja yang tidak kena. Penyelia yang bergelar Profesor itu agak sukar untuk difahami. Maka kawannya merasakan dia selalu keseorangan dan terbiar. Menyebabkan tempoh pengajian menjadi

D U A P U L U H T U J U H

## Lafaz yang Tersimpan

Daerah yang sepi,  
Daerah ini pernah suatu ketika dihuni,  
Ada rasa bahagia yang disimpan,  
Ada rasa rindu yang dihimpun,  
Ada rasa sayang yang dijulang.

Daerah ini pernah suatu ketika dahulu,  
Dibanjiri rasa sangsi,  
Dikunjungi rasa benci,  
Dilawati rasa menyendiri.

Beberapa ketika,  
Daerah ini sunyi tanpa penghuni,  
Tiada lagi senyum seharum kasturi,  
Tiada tawa, tiada ria.

Kini setelah sekian lama,  
Daerah ini kembali meriah,  
Kenangan cinta kembali bernafas,  
Rindu kembali berlagu,  
Wajahmu kembali menjadi penghuninya.

Namun,  
Daerah ini menyorot sesuatu,  
Bunyi sering kali bergema,  
Tapi aneh tanpa suara,  
Sesungguhnya tahu ada lafaz yang tersimpan.

Putrajaya 12 Jun 2010-Presint 9.

DU A P U L U H L A P A N

## Hati yang Terpilih

*Aku akan terus menanti,  
Biarpun seribu tahun ku tak pasti,  
Namun ku yakini,  
Di hujung penantian ini nanti,  
Ada kebahagiaan menanti abadi.*

Anum merasa amat kecewa dan cukup-cukup terkilan. Perjalanan PhDnya tidak menjadi seperti yang dijadualkan. Ternyata analisis statistik dan penulisan hasil kajian tidak menjadi semudah yang disangka. Tempoh pengajian terpaksa disambung satu semester lagi. Bahkan mengikut kata Prof. Hamka, dia belum yakin untuk Anum mengisi borang *submit* kepada Pusat Pengajian Siswazah. Setelah dia betul-betul yakin barulah borang berwarna hijau itu boleh diisi dan disahkan olehnya.

Hati Anum menjadi begitu kecewa. Ternyata harapannya untuk menamatkan tempoh pengajian PhD cukup-cukup tiga tahun telah meleset. Nak atau tidak semester depan dia terpaksa mendaftar sekali lagi. Dan tempoh pengajiannya menjadi tiga tahun setengah. Dia merasa seakan ngeri. Ternyata mimpi-mimpinya selama ini telah menjadi nyata. Proses penulisan tidak berjalan lancar.

*“Bahagian analisis perlu dilihat dan diulas secara kritikal Anum. Itulah kekuatan tesis kamu. Kalau sekadar melaporkan*

D U A P U L U H S E M B I L A N

## Janji Temu yang Ditepati

*Yang kurik kundi,  
Yang Merah saga,  
Yang cantik itu budi,  
Yang indah itu bahasa.*

Anum mempercepat langkahnya. Janji temu dengan Prof. Sulaiman harus ditepati. Masa amat penting baginya. Kalau janji temu diadakan dalam jam 10.30 menit pagi biasanya tepat jam 10.10 pagi dia sudah tercegat di situ. Dia lebih suka menunggu daripada orang menunggunya. Itulah disiplinnya yang paling utama.

Anum menarik nafas lega. Ternyata dia masih belum terlewat. Sebaik sampai ke pintu bilik *co-supervisornya*, bilik itu masih bergelap. Petanda bilik tersebut tiada penghuni. Ternyata Prof. Sulaiman masih belum sampai. Jam di lengannya menunjukkan tepat 10.20 pagi. Sementara menunggu, Prof. Sulaiman datang, Anum berlegar-legar di hadapan depan dewan kuliah 3B.201. Kelihatan para pelajar masih berpusu-pusu masuk ke dewan kuliah tersebut.

Anum percaya, kelas itu pasti bermula jam 8.00 pagi. Tapi begitulah pelajar-pelajar sekarang, selalu tidak tepati masa. Alasannya lewat bangun. Tertinggal bas dan bermacam alasan lagi. Pasti cuak pensyarah yang sedang menghadapi kerenah pelajar seperti itu. Pelajar seolah-olah tiada rasa tanggungjawab dengan apa yang sedang mereka alami.

T I G A P U L U H

## Seindah Bunga, Semanis Gula

*Yang kurik kundi,  
Yang merah saga,  
Yang cantik itu budi,  
Yang indah itu bahasa.*

Masa berlalu begitu pantas. Pejam celik, pejam celik. Semester ketujuh akan tamat dalam beberapa bulan sahaja lagi. Anum menggaru-garu kepalanya yang tidak gatal. Mengusap mukanya yang terasa agak berminyak dan melekitkan. Kepalanya terasa berdenyut-denyut. Harap-harap tiada lagi rasa mual akan singgah pada tekaknya. Kalau rasa itu datang, sudah pasti dia akan muntah hijau seperti mana yang pernah dialaminya sebelum ini.

Ternyata, pengajian di peringkat ini cukup memעותkan, mencabar dan dia sebenarnya cukup tertekan. Peristiwa kehilangan data kerana ditelan oleh virus komputer begitu menyedihkan. Segala penat lelah *key in* data yang mengambil masa lebih kurang 3 minggu, akhirnya hilang sekelip mata. Kemudian dia terpaksa *key in* data semula satu demi satu. Semuanya memerlukan kesabaran. Ya, kesabaran yang terpimpin. Jika tidak dia pasti akan merana dan kecewa dengan kekalahan yang sementara itu.

Anum menangis mengenangkan kepenatan yang dilalui. Menangis kerana sedih dan pilu atas apa yang berlalu. Tersedu-sedu dia menangis tepat jam 3.20 pagi. Ketika itu

T I G A P U L U H S A T U

## Cahaya Kehidupan

Sesungguhnya perjalanan hidup ini sungguh singkat. Hari berganti hari. Bulan berganti bulan. Dan musim berganti musim. Jika kita leka maka berjalan dan berlalulah hari-hari tanpa ada perhitungan. Dan tanpa ada apa-apa manfaatnya. Namun bagi mereka yang tahu berfikir dan bijak merencana maka hari-hari yang dilalui menjadi begitu berharga dan menyeronokkannya. Setiap hari adalah penerokaan baru dan semalam adalah sebuah pengalaman yang telah dilalui.

Dan kehidupan ini terlalu kompleks namun menyeronokkan bagi mereka yang bisa mengisinya dengan sesuatu yang berharga. Namun bagi mereka yang sering kalah dengan perasaan, menyalahkan takdir dan hanya menunggu takdir datang menyembah, kehidupan dirasakan seperti sedang menelan selumbar.

Anum sedar dan sedia maklum apa yang dirancang tidak semestinya berjalan lancar dan lurus. Tidak juga cerah seperti lampu kalimantang. Ada kalanya jalan yang dipilih suram tiada cahaya. Maka wajarlah hati menjadi cahaya. Ada kalanya juga jalan yang dilalui berlumpur dan menjijikkan, maka matalah yang bisa memujuk akal agar segalanya nampak baik dan tiada cacat-celanya.

Kehidupan adalah sebuah pengalaman. Bahagia, derita, sengsara, berduka adalah satu irama yang mengiringi sebuah kehidupan. Sebuah nyanyian yang kadang-kadang

TIGA PULUH DUA

## Indahnya Cinta

**K**itab “Indahnya Cinta” karya Dr. ‘Aidh Al- Qarni sudah dua kali dikhatamnya. Entah kenapa dia seakan tidak puas untuk terus membaca helaian demi helaian petikan hadis dan kata-kata hikmah yang terkandung di dalam. Indahnya Cinta mempunyai kekuatan yang luar biasa. Cinta yang teguh yang harus mengutamakan kecintaan kepada Allah.

*Berkasih sayang dan cinta mencintailah,  
Dia antara kamu,  
Kerana Allah.*

Alangkah indahnya cinta itu. Hidup dengan tiada kebencian. Sentiasa bersemangat untuk bekerja dan mengusir segala kesedihan yang bersarang dalam jiwa. Sebuah buku motivasi islami yang utuh untuk diteladani oleh seluruh umat manusia. Kecintaan terhadap Allah yang satu, hadir dalam setiap perhubungan. Hadir dalam setiap tindakan dan hadir dalam setiap niat yang terdetik.

*Alangkah Indahnya Cinta...*

Berita yang dibawa oleh Nadia sekembalinya dari UKM, sudah berjaya dikuasainya. Jika sebelum ini, hatinya sering diusik kerisauan. Digaru kebimbangan yang melampau. Bahkan sering juga dia berkeluh-kesah, terutama sekali bila memasuki kamar tidur. Dia sering merindui wanita yang

T I G A P U L U H T I G A

## Doa yang Mustajab

Seakan rasa tidak sabar untuk menyerahkan borang hijau kepada Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Kalau boleh malam ini juga mahu rasanya untuk Anum memanjat bukit menuju ke bangunan tersebut. Jika sebelum ini memanjat bukit itu terasa begitu seksa terutama sekali ketika mentari sedang memuncak. Kini dia merasakan tiada sukarnya lagi. Bahkan jika PPS dibuka pada malam itu pun, pasti akan digagahi dan seakan dia mahu berlari ke sana.

*“Anum awak dah boleh mengisi borang untuk viva.”*

Masih terngiang-ngiang suara Prof. Hamka dalam ingatan. Seolah-olah baru sebentar tadi sahaja peristiwa itu berlalu. Suara itu dirasakan begitu merdu dan umpama satu penawar yang ditunggu-tunggu selama ini. Walaupun perjuangannya belum selesai, tapi sekurang-kurangnya ia adalah satu petanda yang baik. Satu peringkat telah berjaya dilepaskannya dengan penuh kepayahan. Penuh dengan ranjau dan duri. Doanya biarlah sesi viva nanti berjalan dengan mudah. Tidak banyak halangan. Dan apa yang penting adalah dia lulus. Tidak kiralah berapa lama tempoh pembaikan, yang penting adalah perkataan LULUS. Itu adalah lebih utama.

Hatinya begitu berdebar bercampur gembira. Hendry Wahyu, sahabatnya dari Indonesia sudah sebulan yang lalu menghantar tesisnya untuk di viva. Kini Hendry berada di tanah kelahirannya. Sementara menunggu untuk dipanggil

T I G A P U L U H E M P A T

## Viva Sebagai Penentu

Viva dan pemeriksa luar adalah dua keadaan atau perkataan yang sama dalam pengajian di peringkat ini. Dalam bahasa mudah, viva PhD adalah peperiksaan lisan yang harus dihadapi oleh pelajar dengan pemeriksa luar, yang mana pada masa tersebut dihadiri oleh ketiga-tiga penyeliaanya (hanya sekadar hadir sahaja)-sekadar memberi sokongan dan diketuai oleh seorang pengerusi (prosedur kadangkala selalu bertukar dan berbeza mengikut universiti).

Menurut rakan-rakan, kaedah ataupun pendekatan viva adalah berbeza-beza mengikut unversiti dan negara. Di sesetengah negara, amalan ini tidak dijalankan langsung, tetapi menggunakan pendekatan barisan pemeriksa luar untuk menyemak tesis. Seorang rakan Dr. Wani Fauziah yang mengikuti pengajian di sebuah universiti di Australia, langsung tidak berhadapan dengan viva. Dia cuma perlu menyerahkan *report* yang perlu diperiksa secara dalaman.

Bila menyebut tentang pemeriksa luar, biasanya calon PhD tidak mengetahui identiti dan siapa pemeriksa luar mereka. Keadaan ini adalah untuk mengelak adanya hubungan luar di antara calon PhD dengan pemeriksa luar. Walau bagaimanapun mereka dipilih berdasarkan bidang kepakaran yang sealign.

Manakala tempoh untuk dipanggil viva juga tidak sama antara calon. Sesetengah calon, 2-3 bulan sudah dipanggil

T I G A P U L U H L I M A

## Takdir Cita dan Cinta

Subhanallah. Sujud syukur kepada Allah, Tuhan pemilik sekalian alam. Tuhan yang mentadbir kerajaan langit dan bumi, yang memiliki kursi kerajaan dan yang tidak pernah tidur. Sesungguhnya Allah berfirman antaranya;

*“Mintalah kepada-Ku, nescaya akan aku perkenankan.”*

Alhamdulillah, limpahan syukur kepada Allah. Selawat dan salam ke atas Nabi Junjungan, Nabi Muhammad SAW dan para keluarga dan sahabat-sahabat baginda. Sesungguhnya Allah telah menunaikan janji-janjinya. Sesiapa yang memohon diperkenankan. Berdoa kepada-Nya dengan tulus dan ikhlas, nescaya akan dimakbulkan. Akan ditunaikan. Alhamdulillah.

Usai berdoa, Anum meraup mukanya dengan kedua telapak tangan. Kemudian dia sujud syukur pada sejadah. Agak lama dia diam di situ. Kemudian dia bangkit dan menanggalkan telekung putih yang membalut keseluruhan tubuhnya. Melipat dan meletakkannya semula ke dalam almari kayu yang sejak tadi ternganga setia.

Kemudian dia berlalu ke meja solek, memerhatikan wajahnya dengan ringkas. Kemudian mengambil sikat dan menyisir rambutnya yang ikal supaya kelihatan rapi dan terurus.

## Bibliografi

- Abdullah Husain.\_\_\_\_\_. *Malam, Biarkan Ianya Berlalu*. Dewan Bhasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- 'Aidh Bin Abdullah Al- Qarni. 2009. *La Tahzan*. Kuala Lumpur. Jasmin Publication.
- 'Aidh Bin Abdullah Al- Qarni.2008. *Indahnya Cinta*. Kuala Lumpur. Al- Hidayah.
- Darma Mohammad. 2008. *Derai-Derai Debu*. Tintaron Publications. Sdn.Bhd. Kuala Lumpur.
- Muhd Kamil Ibrahim. 2004. *PhD Kecil Tapi Signifikan*. Pusat Penerbitan Universiti- UITM (UPENA).
- Muhd Kamil Ibrahim. 2008. *Travelog Dakwah: Meniti Hari Esok*. Kuala Lumpur. PTS.
- Nisah Haron. 2009. *Lenteran Mustika*. Kuala Lumpur. PTS.
- Mohammad Salleh. 2009. *Terapi Solat Tahajud-Mujizat Penyembuh Penyakit*. Kuala Lumpur. PTS.
- Shahnon Ahmad. 1993. *Sastera Sebagai Seiomograf Kehidupan*. Dewan bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat. 2008. *Rasullullah Insan Teladan Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur. Anbakri Publika Sdn. Bhd.

## Biografi



PROF MADYA DR. HARYATI SHAFII  
JABATAN PENGURUSAN PEMBINAAN  
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN  
PERNIAGAAN (FPTP)  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
(UTHM)  
PT. RAJA, BATU PAHAT, JOHOR

Email:haryati@uthm.edu.my

**Haryati Shafii** merupakan anak kelahiran Bumi Pasir Mas, Kelantan. Mendapat Pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Banggol Chicha, Pasir Mas Kelantan. Seterusnya meneruskan pengajian di Sekolah Menengah Sultan Ibrahim II dan ke peringkat menengah atas di Sekolah Menengah Sultan Ibrahim I. Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam Bidang Pengurusan Persekitaran dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2006, ketika berusia 30 tahun. Mula berkhidmat sebagai Pensyarah dari 2007 hingga kini di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor. Beliau merupakan seorang Prof Madya dari Jabatan Pengurusan Pembinaan. Aktif sebagai penyelidik dan dilantik sebagai Penyelidik Utama di Centre of Sustainable Infrastructure, Environment and Management (CSIEM), UTHM. Bidang kepakaran beliau merangkumi Pengurusan Persekitaran, Geografi fizikal dan Geografi manusia, Kualiti hidup masyarakat, Pengurusan banjir, Pelancongan Ekologi, Pembangunan dan kelestarian,

Pendidikan Alam sekitar dan isu-isu berkaitan dengan pembinaan dan kelestarian.

Beliau terlibat secara aktif dalam penyelidikan dan bekerjasama dalam geran-geran penyelidikan di dalam dan luar negara. Kepakaran beliau dalam bidang Pengurusan Alam Sekitar, diiktiraf sehingga dilantik sebagai Perunding bagi menjayakan projek-projek kerajaan dan swasta, mengetuai geran penyelidikan di peringkat universiti dan kebangsaan, Pemeriksa Tesis dan giat menyelia pelajar-pelajar PhD di dalam dan luar negara. Beliau turut dilantik sebagai penasihat program-program kelestarian alam sekitar bagi komuniti luar bandar. Beliau turut terlibat secara aktif dalam penulisan dan penerbitan buku karya asli, bab dalam buku, artikel journal dalam dan luar negara, menulis cerpen, sajak dan terkini terlibat dalam penulis novel. Beliau sering berkongsi dan menjadi rujukan utama kepada pihak media massa dan akhbar tempatan. Kepakaran beliau dalam bidang Pengurusan Persekitaran telah membuka ruang dan turut diundang oleh pihak media sebagai ahli Penal bagi mengulas dan memberi pandangan berkaitan isu-isu semasa alam sekitar di television dan radio tempatan. Prof Madya Dr. Haryati turut melibatkan diri secara aktif sebagai ahli Persatuan Pengurusan Persekitaran Malaysia, ahli Persatuan Sains Sosial, MBOT, Persatuan Pensyarah dan Pengajar UTHM (PERKASA). Beliau juga sering melibatkan diri dalam program-program kesedaran alam sekitar bersama murid sekolah dan masyarakat bagi mendidik kefahaman kepentingan penjagaan alam sekitar secara global.

# Seharum Tinta Sarjana

Novel yang berada di tangan anda ini merupakan sebuah karya yang bercirikan kreatif-ilmiah yang menterjemahkan liku-liku kehidupan seorang wanita dalam mengajar sebuah cita-cita. Perjalanannya sering dilanda badai, tetapi tidak mematahkan semangat juangnya untuk berjaya dalam pengajian PhD. Novel ini berbeza dengan karya-karya lain yang berada di pasaran, kerana ia dibangunkan dengan watak seorang wanita bernama Hanum Dahlia, seorang ibu tunggal. Watak yang dicipta oleh penulis bertujuan untuk menghidupkan jalan cerita supaya lebih menarik dan tidak membosankan pembaca. Perjuangan dalam mendapatkan segulung ijazah PhD adalah pengalaman benar dan merupakan sebuah perkongsian berbentuk pengalaman penulis dan rakan-rakan dalam mengikuti Pengajian PhD. Pengisian novel ini adalah bersumberkan data primer dan sekunder iaitu daripada pengalaman penulis, pembacaan buku serta luahan secara langsung daripada rakan-rakan yang telah mengikuti Pengajian PhD. Watak yang terdapat dalam novel ini mungkin terdapat persamaan dengan watak di alam realiti. Ianya mungkin secara kebetulan sahaja. Selebihnya, ianya dicipta bagi melancarkan plot penceritaan, menarik minat pembaca dan menyuntik *mood* percintaan. Justeru, novel ini sesuai dibaca oleh semua golongan termasuk remaja, pelajar sekolah, pelajar universiti dan individu yang meminati karya kreatif. Semoga novel ini dapat memberi manfaat dan menyuntik semangat kepada mereka untuk meneruskan perjuangan.

***PhD adalah untuk mereka yang Berjiwa Besar dan Waja!***



Sila imbas kod untuk maklumat lanjut

